

# Nur Liyana Athirah graduan ke sejuta UiTM

oleh RAIHAM MOHD SANUSI 20 Ogos 2023 06:53pm Masa membaca: 1 minit



Nur Liyana Athirah Izani menjadi penerima skrol ke sejahtera, sekali gus menjadi universiti pertama memahat kejayaan angka berkenaan.

SHAH ALAM - Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) pilihan pelajar lepasan sekolah apabila mencatat sejarah dalam Malaysia Book of Records (MBR) dengan penganugerahan skrol ke sejahtera.

Penganugerahan sempena Majlis Istiadat Konvokesyen UiTM ke-97 itu diperakui MBR apabila graduan Fakulti Sains Gunaan, Nur Liyana Athirah Izani menjadi penerima skrol ke sejahtera, sekali gus menjadi universiti pertama memahat kejayaan angka berkenaan.

Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Dr Roziah Mohd Janor berkata, pihaknya sangat berbangga dapat meraikan penganugerahan skrol ke sejahtera pada konvokesyen kali ini.



Nur Liyana Athirah (dua dari kiri) dan Dr Roziah (dua dari kanan) merakam kenangan bersama sijil Malaysia Book of Records dengan penganugerahan skrol ke sejahta pada Istiadat Konvokesyen UiTM Ke-97

"Ini menjadikan jumlah skrol dikeluarkan UiTM sehingga berakhirnya majlis istiadat konvokesyen kali ini adalah sebanyak 1,003,241 skrol.

"Ia satu angka yang boleh dibanggakan kerana mencerminkan UiTM telah menggerakkan misinya dengan tepat untuk menjuarai pembangunan Bumiputera profesional menerusi kurikulum paling hadapan dan penyelidikan berimpak," katanya ketika berucap pada sidang konvokesyen itu pada Ahad.

Istiadat Konvokesyen UiTM Ke-97 berlangsung sejak 5 Ogos lalu dan dijadualkan berakhir pada 15 September depan.